

# Memikirulang Pembezaan Ilmu Dunia/Akhirat

Norshahril Saat

**D**alam majlis ilmu di masjid- masjid kita, sering kali diulas kelebihan ilmu 'ukhrawi' berbanding ilmu 'duniawi'. Benarkah demikian?

Bahkan, hal ini terdapat dalam wacana agama masyarakat Islam seantero dunia masa kini. Hal ini juga memberi gambaran bahawa 'ukhrawi' adalah ilmu yang akan membantu seseorang di akhirat kelak kerana menekankan aspek seperti ketuhanan, ibadah dan kerohanian. Sebaliknya, duniawi ialah ilmu lebih cenderung pada hal-hal keduniaan belaka.

Sebagai seorang Islam, kita tidak mempertikaikan bahawa konsep kehidupan di dunia dan di akhirat adalah berbeza. Kehidupan di akhirat adalah kekal dan di dunia pula bersifat sementara. Namun, pembezaan dunia/akhirat pada ilmu pengetahuan memerlukan satu pemikiran semula, sekurang-kurangnya kerana dua sebab:

- wujud pandangan alternatif yang mendapati pembahagian tadi tidaklah sejelas yang disangkakan; dan
- boleh 'membahayakan' kerana beberapa bidang ilmu yang berguna dipinggirkan sebagai ilmu 'duniawi'.

Ilmu ukhrawi sering kali dinilai sebagai ilmu-ilmu agama atau Islam. Sebaliknya, ilmu-ilmu selain itu sering dilihat sebagai cabang yang bukan berasal daripada tradisi Islam. Malah, ada umat Islam yang menyifatkan ilmu duniawi sebagai 'sekular' (menolak tauhid) iaitu bercanggah dengan ajaran Islam.

Bidang-bidang yang dikaitkan dengan 'ukhrawi' termasuklah ilmu ketuhanan (tauhid), tafsir, fiqah, hadis, perundangan Islam (syariah), tasawuf dan pengajian Al-Quran dan hadis. Dengan membubuh label 'ukhrawi' atau 'Islamik' pada ilmu, timbul tanggapan bahawa ilmu-ilmu sedemikian mesti diutamakan berbanding ilmu-ilmu lain. Lantaran itu, timbul konsep 'jenjang ilmu' (hierarki keilmuan) dalam masyarakat kita.

Namun, adakah tanggapan demikian berlandaskan lunas Islam? Hakikatnya, Islam menganggap setiap ilmu itu berasal daripada Allah. Kalangan pemikir Islam dan ulama Islam yang gigih dalam rangka islah (pembaharuan) pemikiran ummah antara awal hingga pertengahan abad ke-20 seperti Amir Shakib Arslan (1869-1946), Profesor Hamka (1908-1981) dan Bediuzamman Said Nursi (1878-1960) telah cuba mengupas fenomena ini.

Shakib Arslan ialah pemikir, sasterawan dan sejarawan asal Lebanon. Pemikiran beliau banyak dipengaruhi para tokoh pembaharuan seperti Muhammad Abduh dan Jamaluddin Al-Afghani. Arslan terkenal dalam membincangkan masalah dan masa depan masyarakat ummah seperti dalam bukunya, *Our Decline: Its Causes and Remedies* (Keterbelakangan Umat Islam: Sebab dan Huraianya).

Menurutnya, masyarakat Jepun sehebat masyarakat Eropah dari segi ilmu sains dan kemajuan. Namun, masyarakat Jepun tidak sesekali meminggirkan budaya, tradisi dan

nilai-nilai agamanya. Sebaliknya, beliau mendapati masyarakat Islam hanya mempertahankan bidang-bidang tradisional mereka tetapi melupakan ilmu-ilmu sains seperti geometri, matematik, astronomi, perubatan, kimia dan geologi yang pernah dirintis oleh para cendekiawan Muslim silam.

“Banyak sekali ungkapan dalam Al- Quran yang membicarakan soal ilmu tidak hanya tertumpu pada soal solat dan moral, tetapi ilmu berkenaan hujan, pergunungan, ciptaan manusia dan prinsip di sebalik penciptaan manusia,” hujahnya.

Alim besar Indonesia, Profesor Hamka, seakan-akan membawa hujah Shakib Arslan ke peringkat selanjutnya. Dalam mentafsirkan ayat 54 Surah Al-A'raf, Hamka mengingatkan masyarakat Islam bahawa Al-Quran bukanlah bersifat sains semata-mata, bahkan pendorong kepada umat Islam agar menyelidiki alam dengan lebih luas dan mendalam.

Menerusi kitab tafsirnya, Tafsir Al-Azhar, Hamka menegaskan: “Oleh itu kalau ada mubaligh berkata bahawa di dalam Al-Quran sudah cukup sekalian ilmu, maksud perkataan itu hendaklah disalurkan kepada jalannya yang sebenarnya, iaitu cukup anjuran buat menuntut dan menyelidiki segala ilmu. Al-Quran bukanlah berisi ilmu falak, tetapi menganjurkan menyelidiki falak, buat menambah iman.” (rujuk kepada *Tafsir Al-Azhar*, juzuk 8, Surah Al-A'raf, ayat 54).

Pada intinya, Hamka berhujah bahawa walaupun pengajian Al-Quran dan kandungannya itu penting, umat Islam seharusnya menghidupkan semangat dan sifat ingin tahu yang mendalam (*spirit of inquiry*) dalam mendekati sains.

Said Nursi, tokoh besar pembaharuan dari Turkey tetapi jarang dibincangkan oleh masyarakat kita, juga mengupas persoalan ilmu. Beliau hidup dan berdakwah dalam tempoh peralihan - dari zaman kerajaan Uthmaniyah (1295-1923 iaitu kekhalifahan terakhir Islam) ke zaman republik tentera Kemal Atartuk.

Antara lain, dalam kitab tafsirnya, *Risale-I-Nur*, beliau menganjurkan umat Islam di zamannya supaya mempelajari kemajuan masyarakat Barat dan mengekalkan unsur-unsur tauhid dan Islam. Beliau membuat seruan ini setelah menjelajahi banyak negara Eropah. Menurutnya, sains perlu diajarkan di institusi dan sekolah agama demi meningkatkan kemajuan Turkey.

Jelaslah, ketiga-tiga pemikir tadi telah menyeru agar diperluas takrif ilmu agar meliputi keperluan hidup di dunia dan akhirat. Dengan cara ini, kita dapat meneliti permasalahan masa kini dengan lebih objektif demi mempertingkatkan kemajuan masyarakat kita.

\*\*\*\*\*

Artikel ini telah diterbitkan dengan judul “Bahaya kemaruk pada ilmu ‘ukhrawi’” di *Berita Harian* pada 30 September 2011.